



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 40 (2 OKTOBER – 8 OKTOBER 2022)

Pada Minggu Epidemiologi ke-40 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah 1,474 berbanding 1,460 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 14 kes (1%). Sebanyak dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-40 tahun 2022.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 45,018 kes berbanding 20,376 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 24,642 kes (120.9%), Manakala kumulatif kematian meningkat sebanyak 100% dengan sebanyak 28 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 14 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C).**

Sebanyak 53 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 55 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 31 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, 14 lokaliti hotspot di Sabah dan lapan (8) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D).**

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak tiga (3) kes pada minggu ke-40 dengan dua (2) kes dari Selangor dan satu (1) kes dari Kedah. Jumlah kumulatif


kes chikungunya sehingga kini adalah 652 kes **(Lampiran E)**. Bagi surveilans zika, sebanyak 1,544 sampel darah dan 16 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Peningkatan curahan hujan akibat Monsun Timur Laut dapat mengakibatkan banjir di beberapa kawasan di Malaysia. Oleh itu, setiap individu perlu memastikan tiada bekas yang berpotensi menampung air di persekitaran rumah serta melupuskan barang lusuh atau yang tidak digunakan di tempat pelupusan secara berhemah. Sekiranya kawasan perumahan dinaiki air, lakukan aktiviti Cari dan Musnah bekas-bekas pembiakan nyamuk Aedes secepat selepas air banjir surut kerana sampah sarap yang dibawa air banjir dikhuatiri boleh menampung air dan seterusnya menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Selain itu juga, elakkan diri daripada gigitan nyamuk Aedes dengan penggunaan bahan repelan, semburan aerosol di tempat tersembunyi serta memakai pakaian yang menutup anggota badan. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


13 Oktober 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-39 dan ke-40 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-40 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021




Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021




Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-40 tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 40/2022**(2 Oktober hingga 8 Oktober 2022)**


Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 40/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 40/2021	
		Minggu 40 (2 Oktober – 8 Oktober 2022)		Minggu 39 (25 September – 1 Oktober 2022)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	4	0	1	0	51	0	20	0
2	Kedah	29	0	40	0	952	2	408	0
3	P. Pinang	36	0	42	0	673	0	317	0
4	Perak	23	0	24	0	874	0	469	1
5	Selangor	787	2	748	0	27,122	7	12,148	2
6	WP KL & Putrajaya	158	0	163	0	4,472	5	2,452	2
7	N. Sembilan	53	0	46	0	1,376	2	472	1
8	Melaka	8	0	11	0	450	0	498	0
9	Johor	115	0	131	0	2,518	1	1,464	2
10	Pahang	16	0	31	0	653	1	361	1
11	Terengganu	5	0	3	0	182	0	35	0
12	Kelantan	39	0	33	0	768	4	169	0
13	Sarawak	16	0	13	0	494	1	305	0
14	Sabah	185	0	173	2	4,413	5	1,254	5
15	WP Labuan	0	0	1	0	20	0	4	0
	MALAYSIA	1,474	2	1,460	2	45,018	28	20,376	13




Selangor




WPKL & Putrajaya




Johor




Sabah




Kelantan




Perak




Pulau Pinang




Kedah




Negeri Sembilan




Melaka




Pahang




Sarawak



Terengganu



Perlis



Labuan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 40/2022
(2 Oktober hingga 8 Oktober 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	WPKL&P	Titiwangsa	Desa Tunku Mariam	52	102
2	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	23	96
3	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Kenangan	40	93
4	WPKL&P	Cheras	Taman Jaya B (Jln 5,6,7,8 & Lrg 5,6,7,8,9)	21	85
5	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Kinrara 4 (Jln BK 4/1, Sebahagian 4/2 - 4/4)	20	80
6	SELANGOR	Petaling	E15. Tmn Puchong Utama (Jln PU 10)	22	72
7	SABAH	Kota Kinabalu	Quarters IPK Kepayan	41	68
8	SABAH	Sandakan	Kampung Tinusa II (Laut)	32	67
9	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1/2 Taman Prima Saujana	11	65
10	WPKL&P	W/P Putrajaya	Presint 18 - Parcel R8	15	62
11	SABAH	Lahad Datu	Kg Sarip	13	62
12	SABAH	Sandakan	Taman Damai	20	61
13	WPKL&P	Titiwangsa	Qrts Kakitangan ATM (Jln U-Thant)	12	58
14	WPKL&P	Titiwangsa	Taman Wangsa Melawati (Jalan Wangsa Budi)	10	54
15	SABAH	Sandakan	Taman Mawar Fasa 1	33	54
16	SELANGOR	Klang	Seksyen 16 (Pangsapuri Rimba Jaya)	17	53
17	SABAH	Sandakan	Taman Mesra	17	52
18	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 1 (Angsana Appt)	15	49
19	SELANGOR	Klang	Seksyen 30 (Jln Kebun : Lorong Hj Kassim Lot 3645)	6	49
20	SELANGOR	Kuala Langat	Pangsapuri Langat Utama	13	48
21	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 8 Bdr Baru Btg Kali	29	48
22	SELANGOR	Petaling	E11. Sri SS 6 Kompleks Kediaman Kastam	25	48

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
23	SABAH	Sandakan	Kampung Tinusa I	16	48
24	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U17 (Kg Merbau Sempak : Lorong 6)	14	47
25	SABAH	Kota Kinabalu	Kg.Likas Lorong Koruk	25	47
26	SELANGOR	Petaling	E15. Tmn Puchong Perdana 4 (Flat Blok H-K)	11	46
27	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Puncak Jalil 2D (Jln PUJ 2/30 - 2/38)	11	45
28	SELANGOR	Klang	Seksyen 31 (Teres L : Jln 31/107 - 31/108B)	8	45
29	SABAH	Sandakan	Taman Megah	15	45
30	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Metro Villa Taman Ampang Mewah	7	44
31	SELANGOR	Hulu Langat	Antara Appt Taman Mulia Jaya	6	43
32	SABAH	Sandakan	Taman Merpati Rendah	10	42
33	SELANGOR	Kuala Langat	Pangsapuri Langat Murni	7	41
34	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 20	5	40
35	SABAH	Sandakan	Taman Tinosan Bt.4.5	7	40
36	SELANGOR	Kuala Langat	Pangsapuri Seri Saujana, Bsp	5	39
37	SELANGOR	Klang	Taman Klang Utama 08	9	39
38	WPKL&P	Cheras	Kuarters Institusi Pendidikan Guru (Jalan Alam Damai)	7	37
39	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Penggawa Seksyen 2 Bandar Mahkota Cheras	6	37
40	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Angkasa Indah	12	36
41	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U6 (Kg Melayu Subang G : Jln Tembusu)	8	36
42	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Universiti Indah 2 (Red Ruby)	11	36
43	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 24	5	36
44	SABAH	Kota Kinabalu	Taman Seputih	12	34
45	SELANGOR	Petaling	E14. Tmn Sri Puchong	5	33
46	SABAH	Sandakan	Kampung Lupak Meluas Laut	10	33

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
47	SABAH	Sandakan	Indah Jaya Fasa 3	10	33
48	WPKL&P	Kepong	Kuarters Kerajaan Jalan Duta (A,B,C,D,E,F)	11	32
49	SELANGOR	Hulu Langat	TPS 2 Oakberry(Jalan Tps 2/3-2/8)Semenyih	6	32
50	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Pearl Avenue Taman Sepakat Indah	5	32
51	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 24 (Flat H : Blok 64 - 78)	9	32
52	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Flat Jln 17/2 @ 17/24 @ 17/26 : Blok 1- 10)	11	31
53	WPKL&P	Titiwangsa	PPR Hiliran Ampang	8	31

Lampiran E

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 40/2022
(DARI 2 OKTOBER HINGGA 8 OKTOBER 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 40/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 40/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 40/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 40/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	3	3
2	Kedah	1	0	34	124	140
3	P. Pinang	0	2	19	52	77
4	Perak	0	1	10	180	180
5	Selangor	2	11	214	211	339
6	WP KL & Putrajaya	0	14	250	371	490
7	N. Sembilan	0	1	73	7	22
8	Melaka	0	0	6	27	29
9	Johor	0	0	4	96	97
10	Pahang	0	0	2	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	3	39	31	55
13	Sarawak	0	0	1	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	2	32	652	1,102	1,432

LANGKAH PENCEGAHAN DAN KAWALAN JANGKITAN DENGGI SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS BANJIR.

Buang segala bekas yang boleh menakung air di persekitaran rumah.

Letakkan bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam bekas air yang sukar di kosongkan.

LANGKAH PERSIAPAN SEBELUM BANJIR

Periksa dan pastikan 'rain gutter' di bumbung rumah tidak tersumbat oleh sampah-sarap.

Simpan bekalan repelan dan semburan aerosol pembunuh nyamuk di rumah.

Sumber dan terbitan:
Kementerian Kesihatan Malaysia

myhealthkkm

LANGKAH PENCEGAHAN DAN KAWALAN JANGKITAN DENGGI SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS BANJIR.

LANGKAH PENCEGAHAN SEMASA BANJIR

Sekiranya berada di pusat pemindahan banjir:

Sapu losyen repelan atau semburan repelan pada kulit yang terdedah.

Lakukan semburan aerosol pembunuh nyamuk di ruang yang terlindung.

Memakai baju berlengan panjang dan berseluar panjang serta berwarna cerah.

Tidur didalam kelambu (sekiranya dibekalkan).

Sumber dan terbitan:
Kementerian Kesihatan Malaysia

myhealthkkm

LANGKAH PENCEGAHAN DAN KAWALAN JANGKITAN DENGGI SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS BANJIR.

LANGKAH PENCEGAHAN SELEPAS BANJIR



Lakukan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan di persekitaran rumah.



Lakukan semburan aerosol di dalam rumah sejeurus sebelum masuk ke dalam rumah.



Rancang aktiviti gotong-royong bersama komuniti bagi membersihkan tempat yang berpotensi menampung air selepas banjir.



Sumber dan terbitan:
Kementerian Kesihatan Malaysia

